

TARIKH/HARI	NAMA AKHBAR	KATEGORI
APRIL 2017 / RABU	UTUSAN MALAYSIA	



DOA paling afdal adalah  
dibacakan oleh pemohon  
itu sendiri dengan hati  
yang ikhlas dan khusyuk.  
- GAMBAR HIASAN

# Valet Doa tanpa sedar

ar-Rakya

MD. SHAH  
AHMAD  
na@utusan.com.my



**EBOH** seketika seluruh negara apabila muncul seorang individu berstatus ustaz yang menawarkan perkhidmatan *Valet Doa* atau kiriman untuk dibacakan di lokasi tertentu di sekitar Tanah Suci, Mekah dengan mengenakan bayaran tertentu. Menurut, tindakan pantas sebagai pihak termasuk tokoh agama, mufti dan pemimpin masyarakat melarang perbuatan tersebut serta mengarahkan masyarakat dihentikan serta merta membuka mata masyarakat daripada terjebak. Namun bukan isu itu hendak dibahas oleh penulis dalam artikel *ar-Rakya* (komentari) ini. Sebaliknya sedar atau tidak, konsep seumpama itu sudah ada di masyarakat tanpa disedari telah dilakukan secara meluas oleh masyarakat Muslim negara ini. Antaranya, dengan mengenakan kadar bayaran

doa atau ayat al-Quran dalam sesuatu majlis. Sudah tentu sebagai pemohon, tinggi harapan supaya doa dikirimkan oleh Allah SWT berbanding yang dibaca sendiri.

Bukanlah berpengetahuan tinggi dalam bidang agama, namun sekadar melontarkan pandangan, apa beza kita memperuntuk sejumlah wang kepada seseorang individu untuk membacakan doa di Tanah Suci berbanding wang perlu dibayar oleh individu lain dalam majlis doa tertentu.

Jika sumbangan itu dibuat secara seikhlas hati mungkin perkara ini tidak berbangkit, malah digalakkan dalam agama sebagai sedekah jariah.

Sebagaimana firman Allah maksudnya: *"Perumpamaan (naskah yang dikeluarkan) orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh butir, pada tiap-tiap butir seratus biji. Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui."* (al-Baqarah : 261)

terdapat kecacatan adalah apabila penetapan sumbangan minimum atau kos wajib tertentu dikenakan penganjur kepada pemohon bagi menjayakan tujuan berkenaan.

Perkara itu secara tidak langsung menunjukkan agama seakan dijadikan alat untuk memperoleh sumber kewangan biarpun benar hakikatnya sesuatu pertubuhan termasuk masjid atau surau memerlukan sumber dana bagi tujuan pengimarah dan operasi.

Firman Allah maksudnya: *"Jangan kamu menjual ayat-ayat- Ku dengan harga benda yang murah."* (al-Baqarah: 41)  
Manakala ahli tafsir terkemuka, Imam Ibn Jarir al-Tabari berkata: *"Jangan kamu ambil secara tamak untuk sedikit harta benda sehingga kamu menyembunyikan nama Allah. Maka yang termasuk dalam harga itu adalah ketamakan."*

Berdasarkan kenyataan di atas, jelas menunjukkan menggunakan acara ibadah dan doa untuk tujuan perniagaan atau memperoleh keuntungan adalah tidak dibenarkan oleh Islam.

Jika ini terus dijadikan budaya, malanglah bagi orang



DATUK DR. ZULKIFLI  
MOHAMAD AL-BAKRI

**KENYATAAN** Mufti Wilayah Persekutuan mengenai *Valet Doa*

"**SETELAH** kami meneliti isu *Valet Doa* yang disertakan pula dengan pakej-pakej dan harga berbeza seolah-olah mengikut tahap kemustajaban doa, dengan ini, kami berpendapat, ia adalah sama sekali tidak menepati ajaran Islam dan tidak mengikut syariat.

"INI kerana, tiada dalam sejarah dan juga adab dalam kalangan *salafus soleh* berbuat demikian. Hatta apabila Nabi SAW mahu menyertakan doa Sayidina Umar al-Khattab r.a. dengannya, tiada sebarang syarat kewangan, upah atau bayaran yang dikenakan."

menyediakan minimum bayaran RM50 sebagai contoh, maka namanya tidak tersenarai dalam majlis bacaan doa.

Manakala orang berada, dengan hanya membayar jumlah tertentu, segalanya boleh dibeli